

Pakej Bantuan Peralihan kepada Pemandu Teksi NGV ("Pakej")/ *Transition Assistance Package for NGV Taxi Drivers ("Package")*

Soalan-soalan Lazim/Frequently Asked Questions (FAQ)

1. Apakah syarat-syarat kelayakan bagi Pakej ini?

Syarat-syarat kelayakan bagi Pakej ini adalah seperti berikut:

- a. Pemandu teksi NGV yang masih aktif
- b. Pemegang kad pemandu teksi yang sah dari 1 Januari 2024 sehingga 30 September 2024.
- c. Pemegang permit kenderaan yang seperti yang direkodkan dalam data Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

What are the eligibility requirements for this Package?

The eligibility requirements for this Package are as follows:

- a. Active NGV taxi drivers.
- b. Holders of active taxi driver cards from 1 January 2024 to 30 September 2024.
- c. Vehicle permit holders as recorded in the "Agensi Pengangkutan Awam Darat" (APAD) database.

2. Pemegang kad pemandu teksi saya telah tamat tempoh. Adakah saya masih layak untuk memohon Pakej ini?

Tidak. Namun, anda boleh mengemukakan permohonan rayuan melalui [Borang Rayuan](#) di laman sesawang www.rayuanperalihanngv.com dan keputusan rayuan akan dihantar melalui e-mel anda yang didaftarkan dengan kami.

My taxi driver's card has expired. Am I still eligible to apply for this Package?

No, you are not. However, you may submit an appeal via the Appeal Form at www.rayuanperalihanngv.com and the result of the appeal will be notified via your email registered with us.

3. Berapa lamakah tempoh permohonan bagi Pakej ini?

Tempoh permohonan dibuka sehingga 31 Disember 2024

How long is the application period for this Package?

The application period is open until 31 December 2024.

4. **Saya adalah pemandu teksi kenderaan bukan NGV. Adakah saya layak untuk memohon Pakej ini?**

Tidak, kerana pakej bantuan ini hanya untuk pemandu teksi yang memandu teksi NGV sahaja.

I am a taxi driver with a non-NGV vehicle. Am I eligible to apply for this Package?

No, because this assistance package is only for taxi drivers who drive NGV taxis.

5. **Bolehkah saya menggunakan telefon bimbit untuk membuat permohonan Pakej ini?**

Ya, anda boleh menggunakan telefon bimbit, komputer riba atau tablet untuk memohon untuk Pakej ini.

Can I use a mobile phone to apply for this Package?

Yes, you can use a mobile phone, laptop or tablet to apply for this Package.

6. **Saya pemilik teksi NGV, namun saya tidak mempunyai kad pemandu teksi. Adakah saya layak memohon Pakej ini?**

Tidak, kerana anda perlu melampirkan salinan kad pemandu teksi yang sah dan permit kenderaan yang masih aktif semasa membuat permohonan untuk Pakej ini.

I am an NGV taxi owner, but I do not have a taxi driver's card. Am I eligible to apply for this Package?

No, you are not eligible because you must submit a copy of your active taxi driver's card and active vehicle permit when applying for this Package.

Proses Permohonan/*Application Process*

1. **Di manakah saya boleh memohon Pakej ini?**

Anda boleh layari laman sesawang www.peralihanngv.com untuk membuat permohonan.

Where can I apply for this Package?

You can visit the website www.peralihanngv.com to apply.

2. Apakah maklumat dan dokumen yang perlu saya serahkan untuk memohon Pakej ini?

Berikut adalah maklumat dan dokumen-dokumen yang perlu disediakan:

- i. Nama penuh seperti Kad Pengenalan
- ii. Nombor Telefon
- iii. E-mel
- iv. Salinan Kad Pengenalan
- v. Salinan Kad Pemandu Teksi
- vi. Salinan Permit Kenderaan
- vii. Nombor Plat

What information and documents do I need to submit to apply for this Package?

The following information and documents need to be submitted:

- i. Full Name as per Identification Card
- ii. Phone Number
- iii. Email Address
- iv. Copy of Identification Card
- v. Copy of Taxi Driver's Card
- vi. Copy of Vehicle Permit
- vii. License Plate Number

3. Semasa proses permohonan, saya telah mengisi borang permohonan dan melampirkan semua dokumen yang diperlukan. Namun, terdapat masalah teknikal di laman sesawang. Apakah yang perlu saya lakukan?

Anda boleh mendapatkan bantuan di laman sesawang www.peralihanngv.com atau menghubungi talian bantuan PETRONAS Mesralink 1-300-88-8181.

During the application process, I have filled in the application form and have attached all the required documents. However, I encountered a technical issue on the website. What should I do?

You may seek assistance and guidance on the website www.peralihanngv.com or contact PETRONAS Mesralink helpline at 1-300-88-8181.

4. Apakah situasi di mana saya akan diminta untuk menghantar semula dokumen-dokumen yang diperlukan?

Terdapat dua situasi di mana anda akan diminta untuk menghantar semula dokumen iaitu:

- i. Maklumat dan gambar yang dimuatnaik tidak sepadan
- ii. Dokumen-dokumen yang dimuatnaik kabur dan sukar dibaca.

Anda akan diminta untuk menghantar semula dokumen yang diperlukan dengan menjawab email yang dihantar ke alamat email anda yang didaftarkan.

In what situation will I need to resubmit the required documents?

There are two scenarios where you may be asked to resubmit the documents as follows:

- i. The uploaded information and images do not match.
- ii. The uploaded documents are blurry and difficult to read.

You will be required to resubmit the necessary documents by replying to the email sent to your registered email address.

5. Saya sudah mendaftar, tetapi tidak menerima sebarang maklum balas mengenai status permohonan saya. Siapakah yang perlu saya hubungi?

Sekiranya anda tidak menerima e-mel dari pihak PNGV setelah mengesahkan kelayakan dan telah memuatnaik semua maklumat dan dokumen yang diperlukan, anda boleh mendapatkan bantuan pada laman sesawang www.peralihanngv.com atau menghubungi talian bantuan Mesralink di 1-300-88-8181.

I have registered but have not received any feedback regarding the status of my application. Who should I contact?

If you have not received an email from PNGV after confirming your eligibility and uploading the necessary information and documents, you may seek assistance on the website www.peralihanngv.com or contact the PETRONAS Mesralink helpline at 1-300-88-8181.

Tentang Pakej Bantuan Peralihan/*About Transition Assistance Package*

1. Berapakah jumlah pembayaran bagi Pakej ini dan bagaimanakah bayaran akan dibuat?

Anda akan menerima e-baucar dengan jumlah RM3,000 yang akan dikreditkan di akaun anda di aplikasi SETEL. Anda dinasihatkan untuk memuat turun aplikasi SETEL terlebih dahulu dan mengisi pengesahan identiti (e-KYC) dalam aplikasi SETEL bagi memudahkan proses pembayaran.

How much is the payment for this Package and how will the payment be made?

You will receive an e-voucher for the amount of RM3,000 which will be credited in your account on SETEL app. You are advised to download the SETEL app and complete the e-KYC process in the Setel application to ease the payment process.

2. Bila pembayaran akan dikreditkan ke akaun SETEL saya?

Pembayaran ke akaun SETEL anda akan dibuat dalam tempoh 15 hingga 30 hari dari tarikh permohonan diluluskan.

Sila pastikan anda memeriksa peti masuk aplikasi SETEL anda dari masa ke semasa. Anda perlu menekan butang "guna sekarang" di e-baucar dalam aplikasi SETEL bagi memastikan pembayaran berjaya dimasukkan ke akaun SETEL anda.

When will the payment be credited into my SETEL account?

The payment will be credited to your SETEL account within 15 to 30 days from the date your application is approved.

Please make sure that you check your SETEL app inbox from time to time. You must click the "Use Now" button on the SETEL app to confirm that the payment has been successfully deposited into your SETEL account.